




# Helo Kampus



kampus@utusan.com.my

**G**IGITAN nyamuk dan pacat yang begitu asing dengan suasana di kampus sebelum ini tidak menghalang 120 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melakukan pelbagai kerja rutin sebagai pekebun getah ketika melakukan lawatan sambil belajar ke kebun

Lembaga Getah Malaysia (LGM) milik pemenang Anugerah Pekebun Kecil Terbaik Kampung Tenang, Johor baru-baru ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Sains Pertanian, **Siti Natasha Mohd. Nasir**, 24,

mengakui lawatan tersebut memberi pengalaman baharu kepadanya kerana ini merupakan kali pertama dia berpeluang menjejakkan kaki ke kebun getah dan diberi kesempatan untuk melakukan sendiri aktiviti menoreh dan membaja.

"Selama ini saya hanya mengetahui serba sedikit tentang kehidupan seorang penoreh getah melalui pembacaan atau melihat di kaca televisyen, namun selepas melakukan kerja-kerja di kebun, baharulah saya tahu kerja sebagai pekebun adalah memenatkan dan memerlukan kesabaran tinggi.

"Saya berharap gabungan pegalaman yang diperolehi ketika lawatan ini dan ilmu yang dipelajari di universiti dapat digunakan sebaik mungkin bagi membantu golongan pekebun serta



**SITI NATASHA MOHD. NASIR**



**MOHAMMAD FAIZ JAMBORI**



**PESERTA** diberi penerangan tentang peralatan yang digunakan pekebun getah.



**SALAH** seorang mahasiswa mencuba membuka panel torehan pokok getah.

## Kuasai teknik menoreh getah

Mendedahkan mahasiswa dengan teknologi baharu dalam penanaman pokok getah

petani menguasai pelbagai teknologi bagi menambah pengeluaran sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Sementara itu, **Mohammad Faiz Jambori**, 21, berkata, kehidupan seorang penoreh getah tidak asing kepadanya kerana dia merupakan anak peneroka Felda di Negeri Sembilan, namun dia mendapati amalan pertanian yang dilakukan oleh pemilik kebun yang dilawatinya ini jauh berbeza dengan apa

yang biasa dilihatnya sebelum ini.

Katanya, dia begitu tertarik dengan usaha pemilik kebun yang menggunakan setiap ruang yang terdapat di kebun tersebut dengan pelbagai jenis aktiviti ekonomi seperti menternak madu kelulut, menanam lada serta pokok gaharu sebagai tanaman selingan yang mampu memberi pulangan segera dan lumayan.

Menurutnya, selain menimba pelbagai pengalaman baru dalam bidang pertanian, lawatan tersebut turut memberi

kesempatan kepada dia dan rakan lain bukan sahaja melihat malah menyelami permasalahan yang dihadapi oleh pekebun kecil yang terpaksa menghadapi cabaran cuaca serta harga pasaran komoditi.

Bagi **Muhammad Alif Yahya**, 21, apa yang menarik perhatiannya adalah usaha yang dilakukan oleh pemilik kebun getah tersebut menternak kelulut yang belum pernah dilihatnya secara dekat sebelum ini.

"Bagi saya menternak kelulut adalah sukar kerana koloni kelulut membuat sarang di dalam lubang kayu dan penternak terpaksa menebang dan membawa tunggul-tunggul kayu tersebut bersama koloni kelulut liar dari hutan untuk ditenak berbanding lebah madu yang bersarang dalam kotak kayu.

"Walaupun tidak berpeluang merasai madu kelulut kerana koloni tersebut masih belum menghasilkan madu, namun peluang melihat sendiri keunikkan sarang kelulut sudah memadai dan merupakan pengalaman menarik kepada saya dan rakan lain," katanya.



**MUHAMMAD ALIF YAHYA**



**PELAJAR UPM** diberi penerangan mengenai cara membuka panel torehan oleh pegawai LGM.